



Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (27)

Tarikh : 1 Jun 2021

SIARAN MEDIA

KEBENARAN BEROPERASI BAGI PERKHIDMATAN PERLU DI BAWAH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

PUTRAJAYA, 1 JUN 2021 – Berikutan Kenyataan Media YB Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) pada pagi ini mengenai status semasa permohonan kebenaran beroperasi bagi perkhidmatan perlu di bawah KPKT.

Sistem permohonan kebenaran beroperasi telah pun diaktifkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI). Sehubungan itu, syarikat yang terlibat boleh memohon surat kebenaran beroperasi menerusi **www.miti.gov.my** dengan mengakses Portal CIMS 3.0 (melalui pautan notification.miti.gov.my) berkuatkuasa serta merta.

Sehubungan itu, berikut disenaraikan sektor-sektor perlu (*essential services*) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu:

- i. Pajak Gadai (Akta 81)
- ii. Pengurusan Strata: Pengurusan Badan (Pemaju) (Akta 757)
- iii. Pengurusan Strata: Pengurusan Badan (JMB/MC) (Akta 757)
- iv. Pengurusan Strata: Pengurusan Hartanah Strata (JMB/MC) (Akta 757)
- v. Pemungutan Sisa Pepejal: Isi Rumah/Komersil, Perindustrian dan Keinstitusian / Pembinaan (Negeri-negeri yang menerima pakai atau tidak menerima pakai Akta 672)
- vi. Pembersihan Awam (Negeri-negeri yang menerima pakai atau tidak menerima pakai Akta 672)
- vii. Sanitasi Awam oleh Syarikat Konsesi (Akta 672)
- viii. Sanitasi Swasta
- ix. Penyelenggaraan Kemudahan / taman rekreasi awam dan persendirian
- x. Pengurusan Hartanah Komersil

CIMS 3.0 merupakan pusat sehenti yang akan memproses semua permohonan bagi kebenaran beroperasi perkhidmatan perlu (*essential services*) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 yang bermula 1 hingga 14 Jun 2021. Sebarang pertanyaan berhubung isu teknikal CIMS 3.0, boleh diemelkan ke cims@mariii.my. Tindakan tegas akan diambil sekiranya terdapat sebarang penipuan atau penyalahgunaan sistem ini.

Semua pihak yang telah diberi kebenaran beroperasi tertakluk kepada pematuhan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Langkah ini bertujuan mengekang penularan pandemik Covid-19 dan melandaikan lengkuk jangkitan Covid-19 dalam kalangan masyarakat.

-TAMAT-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*